

**Laporan Kajian:
PERBANDINGAN PENCAPAIAN KUALITI
PRASEKOLAH KPM DENGAN
PRASEKOLAH SWASTA, KEMAS DAN
JPNIN 2014**

22 Disember 2014

RINGKASAN EKSEKUTIF
KAJIAN PERBANDINGAN KUALITI PRASEKOLAH
2014

1. LATAR BELAKANG KAJIAN

- 1.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula melaksanakan program pendidikan prasekolah annex pada tahun 1992 sebagai projek rintis berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Disember 1991 yang telah bersetuju mewujudkan sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah. Sementara itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Jun 2001 telah bersetuju supaya KPM meneruskan program peluasan prasekolah mulai tahun 2002.
- 1.2 Matlamat pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.
- 1.3 Dasar Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2012) dan strategi pelaksanaannya pula menegaskan dua keutamaan pendidikan prasekolah, iaitu:
 - a. Memastikan bahawa kanak-kanak di Malaysia yang berumur 4+ hingga 5+ mendapat pendidikan prasekolah sama ada yang disediakan oleh KPM, agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan.
 - b. Memastikan pematuhan kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di semua institusi prasekolah kecuali di prasekolah antarabangsa dan ekspatriat.
- 1.4 Keputusan ujian saringan Literasi dan Numerasi (LINUS 2.0) yang dirangka untuk murid Tahap Satu menunjukkan bahawa prestasi murid yang mengikuti prasekolah KPM adalah lebih rendah berbanding prestasi murid yang belajar di prasekolah swasta dalam semua aspek literasi dan numerasi.
- 1.5 Dapatan saringan LINUS 2013-2014 itu menimbulkan tanda tanya tentang kualiti pendidikan prasekolah KPM, khususnya dalam aspek kurikulum, pelaksanaan PdP, serta kualiti dan komitmen guru.

2. OBJEKTIF KAJIAN

- 2.1 Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kualiti prasekolah KPM khususnya, bagi menjawab persoalan yang terbit daripada keputusan-keputusan saringan LINUS 2.0 (2013-2014).
- 2.2 Kajian ini melibatkan perbandingan antara prasekolah KPM, swasta, KEMAS dan JPNIN dalam aspek kurikulum, amalan pengajaran dan pembelajaran guru, kemudahan pendidikan, kualiti guru, dan profil murid bagi mengenal pasti kekuatan dan kekurangan prasekolah tersebut.
- 2.3 Selain itu, amalan terbaik prasekolah-prasekolah yang terpilih daripada KPM, swasta, KEMAS, JPNIN dan amalan terbaik pada peringkat antarabangsa juga dikenal pasti menerusi kajian ini.
- 2.4 Objektif khusus kajian ini adalah untuk:
 - a. Menenal pasti amalan terbaik prasekolah.
 - b. Menenal pasti perbezaan dan jurang antara kurikulum, kemudahan pendidikan, dan latar belakang murid.
 - c. Membandingkan proses pembelajaran dan pengajaran.
 - d. Membandingkan kualiti guru antara prasekolah.
 - e. Mengemukakan cadangan dan langkah penyelesaian bagi mengatasi isu kualiti prasekolah.


3. PENDEKATAN DAN KAEDAH

Untuk menangani objektif kajian, pendekatan penyelidikan pelbagai kaedah dan teknik digunakan. Ini termasuklah analisis dokumen ke atas laporan rasmi dan data sekunder berkaitan kualiti prasekolah, kaji selidik guru, analisis kurikulum, serta pencerapan dan pemerhatian proses pembelajaran dan pengajaran.

- 3.1 Rajah 1 meringkaskan pendekatan dan kaedah kajian. Untuk menanda aras amalan terbaik pendidikan prasekolah, kajian ini menggunakan berbagai-bagai laporan dan penulisan yang menjelaskan makna kualiti kurikulum dan guru prasekolah yang dikumpul dan dianalisis.

- 3.2 Antaranya termasuk dokumen-dokumen rasmi Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2008), PADU, KPM (2012; 2013; 2014); *Early Childhood Care and Education Policy Implementation Review*, *World Educational Indicators dan Education for All* (UNESCO, 2005), OEDC (2008), the *Economist Intelligence Unit* (2005), *Malaysia: Education Policy Review* (UNESCO, 2012), dan organisasi di Amerika Syarikat seperti *National Association for the Education of Young Children (NAEYC)*, dan *National Institute for Early Education Research* melalui kajian *APPLES* (2009).

Rajah 1: Pendekatan dan Pelaksanaan Kajian



- 3.3 Kaji selidik guru melibatkan sampel guru prasekolah daripada empat agensi pelaksana, iaitu guru prasekolah KPM, KEMAS, JPNIN dan swasta dan dipilih menerusi teknik persampelan berstrata yang mewakili agensi pelaksana, negeri, dan lokasi prasekolah. Sejumlah 1,240 guru prasekolah telah melengkapkan borang soal selidik komitmen guru, dan saiz sampel ini membenarkan prosedur menganggarkan sifat-sifat populasi guru prasekolah dengan tepat, iaitu pada ralat $\pm 3\%$, dengan sela keyakinan 95%. Soal selidik komitmen guru dalam kajian ini menunjukkan tahap tentu sah dan kebolehpercayaan data yang mencukupi.
- 3.4 Bagi mengenal pasti amalan pengajaran dan pembelajaran, kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif *Kajian Pemerhatian Penyertaan*, di mana pengkaji memainkan peranan sebagai agen aktif dalam keadaan yang sedang dikaji ke atas guru-guru prasekolah di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), JPNIN, KEMAS, PASTI dan swasta. Kaedah ini melibatkan 320 prasekolah yang menempatkan lebih daripada 4,000 kanak-kanak berumur antara 4 hingga 6 tahun.
- 3.5 Kajian ini dijalankan selama tiga (3) bulan, iaitu mulai dari pertengahan September hingga Disember, 2014.

4. DAPATAN KAJIAN

- 4.1 Hasil analisis dokumen menemukan tujuh (7) petunjuk prestasi utama (KPI) amalan terbaik kurikulum dan tujuh (7) KPI kualiti guru, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Tanda Aras Amalan Terbaik Kurikulum Prasekolah

Bil	KPI	Tanda Aras
1	Kewujudan kurikulum yang berpusatkan pembelajaran/murid	Ada
2	Agihan kuasa dan tanggungjawab antara agensi pusat dengan prasekolah/penguasa pendidikan tempatan	Seimbang
3	Sumber bacaan dan aktiviti membaca dalam kalangan kanak-kanak prasekolah	1. 120 judul buku, atau 2. Baca 3/4 buku sehari, atau 3. Baca 3,000 perkataan/hari
4	Aktiviti PDP yang meliputi enam tunjang pembelajaran seperti yang termaktub di dalam KSPK	PDPsejajar dengan matlamat KSPK
5	PDP yang mengutamakan interaksi bermakna antara guru dengan setiap kanak-kanak	1. Saiz kelas = 20 murid, dan 2. Nisbah murid-guru = 10:1 3. Pada setiap waktu, seorang guru & seorang pembantu untuk setiap kelas
6	Pencapaian murid daripada segi membaca, menulis, mengira dan menaakul	1. 100% boleh membaca, 2. 100% boleh menulis huruf, 3. 100% boleh menulis angka, 4. 100% boleh hitung angka, 5. 100% boleh lakukan operasi aritmatik asas
7	Pentaksiran untuk pembelajaran dilakukan secara berterusan dengan menggunakan pelbagai alat pentaksiran	1. Setiap waktu PdP 2. Sekurang-kurangnya tiga alat pentaksiran digunakan

Jadual 2

Prestasi Utama (KPI) dan Tanda Aras Kualiti Guru Prasekolah

Bil	KPI	Tanda Aras
1	Kelayakan akademik guru prasekolah	Ijazah Sarjana Muda (4 tahun pengajian)
2	Kelayakan professional/ikhtisas guru prasekolah	Latihan Perguruan (Bidang Pendidikan Prasekolah/Awal Kanak-kanak)
3	Penataran professionalisme menerusi kursus dalam perkhidmatan berkaitan PDP prasekolah	20 jam setahun
4	Pengalaman bekerja sebagai guru pendidikan awal kanak-kanak	Satu tahun
5	Pelantikan rasmi sebagai penceramah, fasilitator bengkel, pakar rujuk, penggubal kurikulum, panel penilai/pentaksiran oleh Kementerian Pelajaran Malaysia atau agensi pendidikan lain	Tiada
6	Pembentangan kertas kerja dalam seminar/konferens, dan penulisan akademik dan karya umum berkaitan pendidikan prasekolah	Tiada
7	Penerimaan anugerah dan penghargaan pencapaian cemerlang sebagai guru prasekolah	Tiada

4.2 Perbandingan amalan terbaik prasekolah berlainan agensi menemui lima (5) perkara penting.

- 4.2.1 Prasekolah KPM menggunakan sepenuhnya KSPK sementara prasekolah agensi lain; kebanyakannya prasekolah swasta menggubal dan menggunakan kurikulum sendiri sebagai tambahan kepada KSPK.
- 4.2.2 Bahan bacaan dalam kalangan prasekolah di negara ini juga di dapati ketinggalan jauh berbanding amalan terbaik. Sementara amalan prasekolah terbaik menyediakan 120 judul buku kanak-kanak, purata judul buku dalam kalangan prasekolah KPM hanyalah 78 judul.
- 4.2.3 Semua jenis prasekolah tidak mencapai kualiti amalan nisbah murid-guru dan saiz kelas yang setanding dengan amalan terbaik. Dalam kalangan prasekolah tempatan, prasekolah swasta mempunyai purata nisbah murid-guru dan saiz kelas yang paling rendah.
- 4.2.4 Daripada segi kelayakan guru, semua agensi prasekolah di Malaysia belum mencapai tanda aras kualiti terbaik. Data sekunder yang diteliti tidak menjelaskan sama ada guru siswazah di prasekolah KPM (53%) mempunyai ijazah 4-tahun dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak atau prasekolah.
- 4.2.5 Akhir sekali, kecuali guru prasekolah KPM, guru di semua agensi prasekolah di Malaysia memenuhi tanda aras kualiti terbaik daripada segi penyertaan kursus dalam perkhidmatan yang berkaitan dengan PdP di prasekolah.

4.3 Perbandingan kurikulum dan kemudahan pendidikan antara prasekolah mendapati bahawa:

- 4.3.1 Prasekolah KPM mempunyai kemudahan mencukupi untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan prasekolah swasta, KEMAS, JPNIN dan PASTI.
- 4.3.2 Suasana persekitaran fizikal di prasekolah KPM adalah selesa/kondusif dan cemerlang.
- 4.3.3 Daripada segi bahan pembelajaran dalam bilik darjah, prasekolah swasta yang berprestij mementingkan bahan pembelajaran yang berkualiti, terkini dan menarik.
- 4.3.4 Kurikulum tambahan yang diamalkan oleh swasta adalah seperti berikut:
 - a. Montessori atau kurikulum Islam,
 - b. Penambahbaikan kandungan daripada KSPK mengikut kesesuaian prasekolah, dan
 - c. Penggunaan pendekatan yang berbeza daripada KSPK dan penekanan kepada pentaksiran kanak-kanak.

- 4.3.5 Penggunaan bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa pengantar di kebanyakan prasekolah swasta termasuk penggunaan BI dalam setiap aktiviti harian, memberi arahan (*instruction*), aktiviti pembelajaran, dan doa. Peraturan 50 peratus pengajaran bertema dalam BI tidak berlaku di KPM, JPNIN, KEMAS dan PASTI.
- 4.3.6 Kebanyakan prasekolah swasta dan PASTI menggunakan kurikulum pembelajaran berasaskan subjek (*subject-based*) dan penguasaan isi kandungan (*content-based*).
- Setiap tunjang digantikan dengan subjek-subjek khusus seperti Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam yang hampir sama digunakan pada peringkat sekolah rendah.
 - Pendidikan awal yang berorientasikan subjek dan peperiksaan ini memberi kelebihan kepada kanak-kanak apabila diberikan ujian, namun amalan ini bertentangan dengan prinsip pendidikan awal kanak-kanak.
- 4.3.7 Buku-buku latihan tambahan, bahan-bahan bacaan dan buku kerja digunakan setiap masa.
- Penggunaan buku-buku teks yang bersiri dan mempunyai aras mudah hingga tinggi.
 - Penggunaan teks yang berstruktur dianggap lebih mudah untuk guru melihat perkembangan kanak-kanak dan penguasaan kanak-kanak dan menjimatkan masa guru.
- 4.3.8 Penggunaan pelbagai pendekatan dalam aktiviti kanak-kanak di prasekolah swasta.
- Pendekatan berpusat kanak-kanak dan bahan.
 - Setiap kanak-kanak disediakan bahan-bahan untuk membuat aktiviti dan latihan.
 - Pendekatan kaedah bertema kurang mendapat perhatian guru-guru swasta kerana dimaklumkan agak umum dan sukar untuk digabungkan latihan berdasarkan buku tambahan.
- 4.3.9 Kurangnya penekanan dalam aktiviti Matematik di dalam KSPK, iaitu hanya memenuhi sebahagian kehendak kanak-kanak dan ibu bapa (40 minit seminggu).
- 4.4 Perbandingan amalan kurikulum antara prasekolah pula mendapati bahawa:
- 4.4.1 Pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran di prasekolah swasta adalah baik.
- Prasekolah swasta melaksanakan strategi pengajaran yang sesuai dengan hasil pembelajaran.
 - Strategi yang diamalkan adalah berpusatkan kanak-kanak dan berpusatkan aktiviti.
 - Kebanyakan strategi yang diamalkan di prasekolah KPM, KEMAS dan JPNIN adalah berpusatkan guru dan kurang berpusatkan kanak-kanak.

- d. Strategi berpusatkan guru, walau bagaimanapun sesuai untuk mengawal 25 orang kanak-kanak.

4.4.2 Bimbingan guru kepada murid.

- a. Prasekolah swasta berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dengan membimbing hampir setiap kanak-kanak semasa Pdp.
- b. Bimbingan secara individu dan kumpulan.
- c. *Role model*-membuat percontohan terhadap sesuatu untuk ditiru oleh kanak-kanak.
- d. Teknik sentuhan kanak-kanak dengan memegang tangan dan mengajar apa yang perlu dilakukan.

4.4.3 Prasekolah swasta menunjukkan pengajaran melibatkan interaksi murid adalah lebih baik.

- a. Hampir semua murid memberi respons kepada isi pengajaran dan aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran.
- b. Penglibatan murid yang aktif dan responsif.

4.4.4 Pentaksiran - membuat pentaksiran berdasarkan nilai tara yang tercatat dalam hasil pembelajaran yang dirancang.

- a. Perbezaan swasta dengan KPM, JPNIN dan KEMAS yang agak ketara pentaksiran rekod kemajuan untuk setiap aktiviti.
- b. Kebanyakan prasekolah swasta mempunyai rekod berkala untuk setiap aktiviti kanak-kanak dalam pelbagai domain bagi mengukur perkembangan kanak-kanak.
- c. Prasekolah swasta mengadakan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun. Prasekolah swasta juga mempunyai rekod perkembangan yang terkini dan sentiasa dikemas kini.

5. CADANGAN

5.1 Jadual 3 meringkaskan keputusan perbandingan prestasi kualiti.

Jadual 3

Ringkasan Perbandingan Prestasi Kualiti

Perbandingan Antara Prasekolah:		
Dimensi Kualiti	Penemuan Utama	Catatan
Kuasa Kurikulum	Prasekolah KPM terlalu berpusat	Berpihak kepada murid Swasta
Kurikulum	Bahan bacaan, nisbah murid guru, saiz kelas lebih rendah daripada tanda aras; tadika Swasta ada kurikulum tambahan & penekanan pada pentaksiran sistematik	Berpihak kepada murid Swasta untuk 3M Hanya 40 min matematik
Kemudahan	KPM lengkap, selesa & kondusif; kelebihan swasta berprestij adalah pada sumber aktiviti, buku latihan (?)	
Pelaksanaan PDP	KPM berpusatkan tunjang; berpusatkan guru; aktiviti kumpulan besar; interaksi terbatas; lemah BI; kurang matematik	Amalan di swasta menepati keperluan ujian LINUS, tapi tidak serasi dengan prinsip PDP
Kualiti & Komitmen Guru	Sasaran 60% 2015; guru KPM lebih tinggi kelayakan & komitmen; guru swasta lebih puas trhdp beban kerja dan penghargaan luar	Kelayakan akademik yang lebih tinggi bukan satu kelebihan

5.2 Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan supaya pihak perancang dan pemutus dasar KPM mempertimbangkan tindakan ke atas perkara-perkara berikut:

- 5.2.1 Perkemaskan usaha memindahkan kuasa mentafsir dan melaksanakan dasar-dasar pendidikan kepada guru prasekolah, dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) berfungsi sebagai pemudah cara.
- 5.2.2 Perkasakan PPD dengan sumber dan pakar prasekolah yang cukup.
- 5.2.3 Hadkan perubahan dan arahan berkaitan peraturan operasi.
- 5.2.4 Pindahkan hak dan kuasa merancang dan melaksanakan program pembangunan profesional yang sistematik dan berfokus kepada PdP.
- 5.2.5 Agihkan kuasa dan tanggungjawab penggubalan kurikulum secara seimbang antara agensi pusat KPM dengan institusi prasekolah (perlukan semakan semula usaha dan penyelarasan penstrukturan sistem tadbir urus).
- 5.2.6 Nyatakan dasar, prosedur pemantauan dan tindakan terhadap pelanggaran prinsip-prinsip perkembangan pembelajaran kanak-kanak dalam kurikulum prasekolah.
- 5.2.7 Semak semula kurikulum dan PdP di institusi pendidikan guru berkaitan prasekolah supaya lebih berisi dengan amalan pendidikan tinggi yang berpusatkan hasil pembelajaran guru pelatih, berasaskan bukti, dan berteraskan penyelidikan.
- 5.2.8 Tetapkan pernyataan dasar tentang KPI guru prasekolah mengikut tanda aras amalan terbaik.
- 5.2.9 Menambahbaik silibus (tahap kesukaran) supaya serasi dengan standard pentaksiran Ujian LINUS.
- 5.2.10 Peruntukkan masa tambahan Matematik dalam kurikulum KSPK.
- 5.2.11 Tambahbaik Modul Bertema supaya boleh difahami dan praktikal untuk semua tunjang.
- 5.2.12 Pastikan guru mengamalkan pengajaran dalam bahasa Inggeris seperti yang diperuntukkan dalam KSPK. Cadangan Modul bertema yang dikendalikan dalam BI sebanyak 50 peratus perlu dikekalkan.
- 5.2.13 Pastikan guru menyediakan aktiviti yang menarik minat dan melibatkan interaksi dengan SETIAP kanak-kanak.

- 5.2.14 Pastikan guru menyediakan rekod pentaksiran dan rekod penguasaan aktiviti dalam setiap aspek perkembangan untuk membantu guru mentaksir kebolehan kanak-kanak.
- 5.2.15 Tetapkan saiz kelas serta nisbah guru dan kanak-kanak di prasekolah KPM mengikut amalan terbaik prasekolah.
- 5.2.16 Jelas secara rasmi bidang tugas pembantu guru, iaitu membantu guru dalam PdP dan penyediaan bahan-bahan pengajaran.
- 5.2.17 Uruskan masalah beban “kerja guru” prasekolah KPM dengan melakukan satu siri kajian pada peringkat nasional dan kajian tindakan untuk memahami dan menyelesaikannya.
- 5.2.18 Pastikan SK/SJK memperkasakan autonomi guru dengan menerima pandangan dan cadangan guru prasekolah, termasuk hal-hal kewangan.
- 5.2.19 Wujudkan ruang di PPD dan negeri untuk membolehkan guru-guru prasekolah berinteraksi dan berkongsi amalan PdP.
- 5.2.20 Wujudkan satu sistem penghargaan, termasuk pengurniaan anugerah, kenaikan gaji dan pangkat kepada guru prasekolah yang inovatif dan kreatif pada peringkat daerah, negeri dan nasional.



LAPORAN KAJIAN PERBANDINGAN PENCAPAIAN KUALITI PRASEKOLAH KPM DENGAN PRASEKOLAH SWASTA, KEMAS DAN JPNIN

2014

Laporan ini disediakan untuk PADU, Kementerian Pendidikan Malaysia
Oleh:

Dr Maimunah Muda (Pengurus Projek)
Prof Dr Mohamad Sahari Nordin (Ketua Penyelidik UIAM)
Dr Nordin Mamat (Ketua Penyelidik UPSI)

Ahli Pasukan

Hajah Nur Liyana Husna Hj Shaari
Nasithah Abd Hamid
Syamsul Anuar Wahid
Prof Dr Isarji Hj Sarudin
Dr Abdul Rahim Razali
Prof Madya Dr Abdul Aziz Shukor
Dr Loy Chee Luen
Dr Abdul Halim Masnan
Dr Mahmud Hj Abd Wahab
Prof Madya Dr Tunku Badariah Tunku Ahmad

Disember, 2014

JADUAL KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF	i
JADUAL KANDUNGAN	i
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendidikan Prasekolah Berkualiti	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Kerangka Konsep Perbandingan Kualiti Prasekolah	5
1.6 Pendekatan dan Skop kajian	6
1.7 Susun Atur Laporan	7
 BAB 2: TANDA ARAS AMALAN TERBAIK PENDIDIKAN PRASEKOLAH.....	8
2.1 Pengenalan	8
2.2 Kaedah Menanda Aras	10
2.3 Petunjuk dan Tanda Aras AmalanTerbaik Kurikulum	11
2.4 Petunjuk dan Tanda Aras kualiti Guru	14
2.5 Perbandingan Prestasi Amalan Kurikulum	17
2.6 Perbandingan Kualiti Guru	19
2.7 Rumusan dan Perbincangan	21
2.8 Rujukan	24
 BAB 3:PERBANDINGAN KURIKULUM DAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN.....	26
3.1 Latar Belakang Kajian	26
3.2 Kaedah Kajian	28
3.2.1 Sampel Kajian	28
3.2.2 Instrumen Pemerhatian (IPAPP)	30
3.2.3 Prosedur Analisis Data	31
3.3 Profil Kanak-Kanak Mengikut Jenis Prasekolah	31
3.4 Dapatan kajian	33
3.4.1 Kemudahan dan Persekitaran Pembelajaran	33
3.4.2 Perbandingan Kurikulum Antara Prasekolah	44
3.5 Cadangan	50
3.6 Rujukan	51
 BAB 4: PERBANDINGAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)	53
4.1 Latar Belakang Kajian	53
4.2 Kaedah Kajian	55
4.2.1 Sampel kajian	55
4.2.2 Instrumen Pemerhatian (IPAPP)	57
4.2.3 Prosedur Analisis Data	57
4.3 Dapatan Kajian	58
4.3.1 Ketibaan	58
4.3.2 Persediaan Rancangan Pengajaran Harian	59
4.3.3 Proses Pengajaran dan Pembelajaran	65
4.4 Rumusan dan Cadangan	75
4.5 Rujukan	78

BAB 5: PERBANDINGAN KUALITI GURU ANTARA PRASEKOLAH81

- 5.1 Latar Belakang Kajian | 81
- 5.2 Kaedah Kaji Selidik | 83
 - 5.2.1 Sampel Kajian | 83
 - 5.2.2 Soal Selidik Kualiti Guru | 84
 - 5.2.3 Prosedur Analisis Data | 85
- 5.3 Dapatan Kajian | 85
 - 5.3.1 Komitmen Guru Prasekolah | 85
 - 5.3.2 Yakin Boleh Guru Prasekolah | 90
- 5.4 Rumusan dan Perbincangan | 93
- 5.5 Rujukan | 96

Bab 6: PENEMUAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN97

- 6.1 Penemuan-Penemuan Utama | 97
 - 6.1.1 Tanda Aras Amalan Terbaik Pendidikan Prasekolah | 97
 - 6.1.2 Perbandingan Kualiti Antara Prasekolah Berlainan Agensi | 99
- 6.2 Cadangan Penambahbaikan | 101